

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 5 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 24**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1143-L4417  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kerjasama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dengan agensi berita asing dalam usaha menyalurkan maklumat terutama maklumat ekonomi dan pelaburan Malaysia kepada bakal pelabur.
2. PN-1143-L4046  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru apabila amalan kelas bercantum diberhentikan kelak.
3. PN-1143-L3879  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah puncanya siaran televisyen terlalu banyak menayangkan cerita, drama dan telemovie dari luar negara hingga menyukarkan anak tempatan mencari makan sebagai pelakon, pengarah mahupun penerbit.
4. PN-1143-L3959  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan berapa banyakkah masa diberi/disediakan oleh stesen-stesen TV di bawah kawalan Kementerian untuk berita atau program-program dari Sarawak dan Sabah. Apakah Kerajaan berhasrat menambahkan ruang dan 'airtime' untuk lebih banyak lagi bahan dari Sarawak dan Sabah di masa hadapan.
5. PN-1143-L4220  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah perancangan dan strategi yang perlu diambil bagi mempertahankan ketamadunan budaya Bahasa Melayu tidak dinodai oleh generasi kini dan masa hadapan selaras dengan hasrat murni yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Malaysia.

6. PN-1143-L4401  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah bajet airlines seperti Air Asia ditubuhkan sebagai pesawat tambang murah boleh menjejaskan keuntungan MAS dan setakat ini apakah Kementerian bercadang untuk mengeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat lain bagi menjalankan operasi seperti Air Asia.
7. PN-1143-L4356  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) bilangan kakitangan awam yang bekerja sebagai pegawai kontrak mengikut gred dan Kementerian pada tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama pada tahun 2007; dan
  - (b) jumlah kakitangan awam bertaraf kontrak yang telah berjaya diserapkan sebagai kakitangan awam yang tetap pada tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama pada tahun 2007.
8. PN-1143-L3997  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Yayasan Tekun Nasional dan Program Keusahawanan MARA, membantu golongan wanita terutamanya ibu tunggal dalam memulakan perniagaan kecil untuk menjamin masa depan mereka.
9. PN-1143-L3912  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah membuat kajian yang mendalam tentang kesan dan akibat yang terpaksa ditanggung oleh kaum guru jika program sekolah satu sesi dilaksanakan sepenuhnya nanti.
10. PN-1143-L4337  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan punca kegagalan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia tidak terpilih di dalam senarai 200 universiti terbaik dunia dan apakah kesan daripada kegagalan ini kepada usaha Kerajaan untuk menarik minat lebih ramai penuntut luar negara datang belajar di negara ini dan apakah kriteria-kriteria yang diperlukan untuk memasuki senarai 200 universiti terbaik dunia.
11. PN-1143-L4477  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cadangan awalan untuk menyusun semula pemberian dan pembahagian subsidi supaya hanya yang disasarkan dan sepatutnya sahaja menerimanya, terutama berkaitan dengan subsidi petrol dan gas.

12. PN-1143-L3952  
**Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah SRJK(T) yang telah diubah suai dan dibina semula selepas pilihan raya umum tahun 2004 dan berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kementerian untuk membina semula SRJK(T) bagi tahun 2007 dan berapa buah sekolah Tamil terlibat; dan
  - (b) apakah sebab-sebab utama jumlah SRJK(T) menurun secara mendadak dari 800 buah sekolah sebelum merdeka kepada 543 buah pada masa sekarang.
13. PN-1143-L3734  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan supaya anggota perkhidmatan awam mempunyai pemikiran kelas pertama dan dapat mengubah cara berfikir biasa untuk menjadi lebih kreatif serta inovatif ke arah membolehkan negara menjadi antara pemain utama dalam menyediakan perkhidmatan pada peringkat global.
14. PN-1143-L4388  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan laporan Jawatankuasa Audit dari JKR yang dipertanggungjawabkan untuk menyiasat bangunan-bangunan awam yang rosak. Terutama sekali tentang punca atau faktor-faktor yang menyebabkan keadaan yang malang dan apakah langkah-langkah yang berkesan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan penyelenggaraan bangunan di seluruh negara.
15. PN-1143-L4030  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mewajibkan semua Government Linked Companies (GLC) dan Badan Berkanun di Malaysia mengamalkan Corporate Social Responsibility (CSR) dan kalau ya, apakah mekanisme pelaksanaannya.
16. PN-1143-L3726  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapa harga besi di pasaran sebanyak RM2,600.00 satu tan tidak selari dengan harga siling yang hanya RM1,800.00 satu tan.
17. PN-1143-L4234  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kita sedar bahawa rangkaian 'supply' tidak langsung disertai oleh Bumiputera malah diakui ianya dimonopoli oleh bukan Bumiputera. Dalam kenaikan harga barang tanpa segan silu mereka ini mengaut keuntungan khususnya dengan rancaknya program RMK-9. Apakah rancangan serta program Kementerian untuk menyusun agar rangkaian ini dapat disertai sama olah Bumiputera.

18. PN-1143-L3832  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kerajaan membuat perancangan jangka panjang dan peruntukan yang mencukupi untuk memastikan semua tempat pelancongan dibaik pulih atau 'maintain' memandangkan banyak tempat pelancongan kini telah diabaikan atau dalam keadaan yang amat teruk.
19. PN-1143-L4431  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kita boleh meneruskan kesinambungan mengenai prinsip-prinsip utama matlamat kemerdekaan boleh dicapai, asas-asas perjuangan Melayu atau masyarakat Bumiputera yang sah dalam menghadapi lonjakkan kedua 2007-2057, iaitu 50 tahun akan datang dan sejauh manakah ia berkekalan dan berterusan sehingga dapat dihayati oleh masyarakat.
20. PN-1143-L4449  
**Ir. Hiang A Li** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Malaysia akan dilanda masalah ekonomi sekiranya nilai Dolar US semakin lesu dan prestasi ekonomi dunia pada waktu ini yang tidak menentu, terutama di dalam menangani kenaikan harga minyak sedunia yang akan menyebabkan kos pengeluaran barangan negara meningkat dengan mendadak.
21. PN-1143-L4176  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dengan terperinci usaha-usaha untuk menjadikan sekolah-sekolah kebangsaan sebagai sekolah untuk semua kaum dan agama.
22. PN-1143-L4342  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah takrifan "Modern City Management" dan bagaimana ia dapat dilaksanakan di Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur memandangkan ia amat berkesan di dalam pengurusan bandar raya besar seperti New York, London, Tokyo dan Seoul, apakah bentuk kuasa yang diperlukan Kerajaan Tempatan dalam hal ini.
23. PN-1143-L4060  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk membina lagi terowong bawah tanah untuk laluan kenderaan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.
24. PN-1143-L3986  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah demi hala tuju yang diambil bagi memastikan 'Pertanian Sebagai Satu Perniagaan' dapat dilaksanakan dengan berkesan dan jayanya. Apakah difikirkan perlu oleh Kementerian bagi menganjurkan kempen kepada sasaran yang tertentu untuk menyemarakkan kejayaan kaedah ini.

25. PN-1143-L4463  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan insentif dan galakkan-galakkan khusus yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menarik pelaburan swasta yang diberi peranan terbesar untuk menjayakan Pembangunan Koridor Ekonomi dan bagaimana memastikan yang dalam usaha untuk menarik pelaburan swasta ini, matlamat dan objektif Kerajaan untuk memastikan dasar pertumbuhan dengan pengagihan tidak akan berkompromi.
26. PN-1143-L4302  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan walaupun pemasaran aktiviti sukan di negara kita memang harus diberi pujian kerana berjaya memperkenalkan Malaysia sebagai pusat sukan antarabangsa tetapi sejauh manakah kesannya ke atas usaha Kerajaan dalam mempromosi sektor pelancongan negara.
27. PN-1143-L3987  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memelihara alam sekitar demi kepentingan masa depan, terutamanya dalam mewujudkan garis panduan pemeliharaan burung layang-layang.
28. PN-1143-L3713  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirancang untuk membentuk dan menggalakkan IPTA-IPTA negara menjadi pakar di dalam jurusan-jurusan pengajian tertentu di dalam usaha meningkatkan daya saing IPTA-IPTA di peringkat antarabangsa.
29. PN-1143-L3695  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan Kerajaan telah membelanjakan berjuta ringgit bagi membaiki mutu jalan raya di negara ini. Namun demikian, jalan raya yang ada sekarang terutamanya di Sabah adalah kurang memuaskan. Apabila kerja-kerja pembaikan dijalankan, ia hanya boleh bertahan kurang daripada setahun dan rosak semula selepas itu. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian di dalam mengatasi masalah ini.
30. PN-1143-L3878  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk saluran yang disediakan oleh Kementerian bagi membolehkan pemimpin-pemimpin belia yang telah melepasi had umur 40 tahun kesan Pelaksanaan Akta Belia untuk terus menyumbang idea dan tenaga kepada negara.

31. PN-1143-L4140  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilangan aduan dan tindakan terkini yang telah diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Malaysian Communication and Multimedia Commission) mengenai "SMS Scam" atau lain-lain kesalahan yang menyalahi Akta Multimedia dan Komunikasi 1998.
32. PN-1143-L4152  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi murid-murid yang berada di sekolah-sekolah kurang murid yang kebanyakan berada di luar bandar, adakah Kementerian berusaha untuk memperuntukkan lebih ramai guru ke sekolah-sekolah tersebut bagi menyelesaikan masalah ini di mana seorang guru sering dikehendaki mengajar dua kelas yang berlainan darjah dalam satu waktu yang sama.
33. PN-1143-L4312  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah masalah-masalah utama Kementerian untuk menarik golongan belia menyertai aktiviti-aktiviti yang sihat dan berfaedah kerana Indeks Belia Malaysia 2006 menunjukkan bahawa indeks aktiviti waktu senggang belia berada pada tahap kurang baik dan bagaimanakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
34. PN-1143-L3944  
**Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan terdapat sebilangan anak-anak pendatang asing yang bertaraf penduduk tetap di negara ini belajar di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Adakah mereka mendapat nikmat yang sama dengan warganegara apabila Kerajaan memansuhkan yuran sekolah peperiksaan awam.
35. PN-1143-L4091  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kesan terhadap pendidikan tinggi awam dan swasta negara apabila tiada universiti dari Malaysia yang tersenarai dalam 'top 200 THES World University Ranking'.
36. PN-1143-L4474  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah peranan JASA di dalam membantu Kerajaan mempromosikan Islam Hadhari, pembangunan modal insan, malah di dalam penerangan dan penyampaian pelbagai dasar baru kepada rakyat, memandangkan capaian dan jangkauannya dilihat hanya terhad di dalam aktiviti berunsur politik semata-mata, apakah ianya perlu dirombak.

37. PN-1143-L4192  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah subsidi minyak dan gas setahun kesan kenaikan harga minyak dunia sekarang. Apakah formula Kerajaan untuk menstrukturkan semula sistem subsidi tersebut agar golongan yang layak dan berpendapatan rendah sahaja yang menerimanya.
38. PN-1143-L3844  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat bagi memastikan Orang Asli mendapat hak pemilikan tanah.
39. PN-1143-L4093  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah projek-projek dalam RMK-9 yang ditawarkan secara runding terus betul-betul telus dan hanya menguntungkan beberapa syarikat sahaja. Bagaimana pula Kerajaan dapat memastikan syarikat-syarikat ini layak dan mampu menyiapkan projek dengan sempurna.
40. PN-1143-L3698  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia khususnya dalam tugas mencari dan menyelamat di Zon Maritim Malaysia (ZMM), memandangkan kemalangan di laut seperti insiden feri terbakar di Langkawi dan Mersing, yang semakin menjadi-jadi.
41. PN-1143-L4005  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan sudah membuat keputusan untuk menyemak semula subsidi minyak dan gas memandangkan Kerajaan memikul beban subsidi RM40 bilion setahun dan harga minyak dan gas di persada antarabangsa dijangka akan meningkat dan kalau ya, apakah mekanisme penyemakan tersebut.
42. PN-1143-L4213  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kemerosotan berterusan ranking IPTA di Malaysia sebagai universiti bertaraf dunia. Apakah kriteria Universiti Apex yang diguna pakai.
43. PN-1143-L3894  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Pelan Penglibatan Siswazah Tani yang dipantau khas oleh Kerajaan untuk menjadikan penghasilan eksport produk negara berasaskan pertanian menjadi realiti.

44. PN-1143-L4200  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana benarnya dakwaan yang menyatakan bahawa negara 'kebanjiran' pendatang asing dan apakah langkah jangka pendek dan panjang untuk mengatasi masalah ini.
45. PN-1143-L4366  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana langkah pro aktif diadakan bagi menetapkan paras siling bagi yuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi memastikan ia tidak membebankan golongan miskin dan yang berpendapatan rendah.
46. PN-1143-L3782  
**Puan GK Loga Chitra** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah promosi yang dibuat oleh Kementerian untuk membawa pelancong dari India selepas Tahun Melawat Malaysia 2007 tamat.
47. PN-1143-L4296  
**Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang menyertai perhimpunan haram yang didalangi oleh pemimpin pembangkang baru-baru ini bagi menyerahkan memorandum bantahan terhadap Kerajaan kepada Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di Istana Negara.
48. PN-1143-L4286  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian akan mengenakan bayaran tol kepada penunggang motosikal selepas lebuhraya-lebuhraya baru yang mempunyai lorong khas untuk penunggang motosikal dibina.
49. PN-1143-L4406  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah untuk memperkasakan penulisan dan pembacaan Jawi di peringkat sekolah rendah, sebagai usaha memartabatkan semula maruah Jawi.
50. PN-1143-L3765  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian masih mengeluarkan permit bagi tukang-tukang gunting rambut India.
51. PN-1143-L4273  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan ramai lelaki mungkin terpaksa menjadi 'suri rumah' (homemaker) pada masa depan memandangkan ramai wanita mula menguasai jawatan tinggi dalam bidang pekerjaan di sektor awam mahupun swasta. Apakah pandangan Kementerian terhadap komen ini.

52. PN-1143-L4258  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian negara tentang tindak-tanduk Kerajaan Myanmar dalam memberhentikan pertunjukan secara aman baru-baru ini.
53. PN-1143-L4238  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pampasan kepada bayi Lai Yok Shan telah dibayar kerana kecuaiannya doktor di Hospital Tengku Ampuan Rahimah sepertimana yang dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan sendiri.
54. PN-1143-L3979  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi yang akan diguna pakai oleh pihak Kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa serta memajukan sektor kewangan Islam negara ini.
55. PN-1143-L3800  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah pencapaian skim PROSPER di dalam usaha membantu golongan Bumiputera di dalam bidang peruncitan. Sila jelaskan statistik kejayaan skim ini dari tahun 2003-2007, faktor-faktor kegagalan serta langkah Kementerian menanganinya.
56. PN-1143-L3923  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Kerajaan melalui JPA tidak menyatukan semua Perkhidmatan Awam di bawah satu skim supaya semua kakitangan awam yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sama dapat menikmati kebajikan dan kemudahan yang sama.
57. PN-1143-L3807  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan dan Petronas dalam menghadapi masalah kehabisan minyak mentah kita menjelang tahun 2011 dan kesan negatif yang akan kita hadapi disebabkan kehabisan minyak mentah kita kelak.
58. PN-1143-L4113  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah pendekatan atau jaminan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan lebih 2 juta pekerja asing yang berada di negara ini akan pulang ke negara masing-masing setelah kontrak mereka tamat; dan
  - (b) setakat ini berapa banyakkah syarikat yang menguruskan kemasukan pekerja asing ke Malaysia dan apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk mengharamkan kemasukan pekerja asing ke negara ini dalam tempoh lima tahun akan datang.

59. PN-1143-L4235  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan harga minyak mencecah USD 100 satu barrel, sudah tentu ada kesan sampingan dalam jangka masa panjang. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kesan ini kepada ekonomi Malaysia.
60. PN-1143-L4069  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program pendidikan keluarga yang telah dibuat khusus kepada kaum lelaki serta apakah sambutan setakat ini.
61. PN-1143-L3956  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah keberkesanan I.S.A dan kuasa 'pre-emptif' di bawah undang-undang yang seumpamanya untuk menjaga, mengawal dan mempertahankan ketenteraman awam, keamanan dan keharmonian negara. Bila dan bagaimanakah undang-undang ini harus digunakan. Bolehkah Kementerian menyatakan contoh-contoh di dalam kes yang telah diambil tindakan dengan menjelaskannya.
62. PN-1143-L3775  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah sebarang syarat yang dikenakan kepada pengusaha pengangkutan jalan khasnya bas dan teksi. Oleh kerana di Sarawak terdapat beberapa buah syarikat yang menggunakan bas dan teksi yang telah usang dan kerap kali rosak di pertengahan jalan.
63. PN-1143-L4244  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah dana Kerajaan yang diperuntukkan bagi bantuan kepada orang-orang miskin bagi tahun 2005 dan 2006 dan adakah Kementerian akan mengkaji semula kadar yang ditetapkan berikutan kenaikan harga barang baru-baru ini.
64. PN-1143-L3778  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan kewangan tambahan kepada kakitangan awam pada bulan Disember nanti.
65. PN-1143-L4194  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos membina Lebuhraya Pantai Timur dan dari sumber mana pembiayaan itu disediakan.

66. PN-1143-L4130  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sehingga tahun 2007, berapa banyakkah pinjaman di bawah Skim Pinjaman Pembangunan Institusi Nelayan (SPIN) yang telah disalurkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan dalam tempoh yang sama, berapa banyakkah pinjaman tersebut dapat dikutip semula, serta sejauh mana berjayanya skim berkenaan dalam usaha Kerajaan meningkatkan taraf hidup nelayan di negara ini.
67. PN-1143-L3850  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat sistem piawaian keberkesanan PERKESO dalam memberi khidmat kepada pekerja di sektor swasta dan apakah badan tersebut.
68. PN-1143-L4153  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagi 4 tahun yang lepas usaha-usaha dan kejayaan utama dalam peningkatan prestasi sektor pertanian dan dalam tempoh 4 tahun ini berapa peratus kenaikan produktiviti dan keluaran, peratus kenaikan eksport dan peratus kekurangan import bagi produk pertanian.
69. PN-1143-L3753  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah bilangan usahawan dalam sektor peruncitan yang telah dilahirkan dan berapakah pinjaman yang telah dikeluarkan bagi membantu mereka dalam bidang ini sejak program peruncitan ini diperkenalkan.
70. PN-1143-L4185  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah punca kelemahan persatuan-persatuan nelayan dan pertanian di negara ini sehingga menyebabkan kita gagal membangunkan satu industri pertanian yang kompetitif seperti di Eropah dan apakah strategi Kementerian untuk mengurangkan jumlah persatuan-persatuan ini dengan menggabungkan ke dalam satu persatuan besar yang berupaya memberikan pengurusan dan pentadbiran profesional kepada usaha pembangunan industri pertanian negara.
71. PN-1143-L4124  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Parlimen perlu meminda semula Perlembagaan Persekutuan terutama sekali Artikel 121 bagi menjelaskan bahawa Malaysia mempraktikkan pengasingan kuasa antara kehakiman dan eksekutif sesuai dengan pengasingan kuasa dalam sistem Demokrasi ala Westminster seperti apa yang diamalkan di Malaysia kini.

72. PN-1143-L4327  
**Dato' Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah pihak berkuasa, terutamanya PDRM dan agensi berkuasa tempatan menentukan sesuatu permohonan permit bagi mengadakan perhimpunan dan apakah elemen-elemen penting yang digunakan di dalam menentukan sama ada ianya akan diluluskan atau tidak.
73. PN-1143-L3981  
**Dato' Wong Siong Hwee** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah jenis tanaman ladang hutan yang memerlukan kawasan tanah yang luas dan nyatakan status tanah di mana ia ditanam dan di negeri mana.
74. PN-1143-L4391  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan memandangkan kos pengeluaran daging ayam telah meningkat pada masa kini disebabkan oleh kenaikan harga jagung, kacang soya dan lain-lain bahan yang diimport dari pasaran antarabangsa, apakah tindakan yang sewajarnya yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan harga ayam di pasaran.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 38/2007) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007  
- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [ 4 Disember 2007 ]**

**(Menteri Kewangan)**

2. PN-1143-U4231  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

**(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.166	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebu raya Pantai Timur- Fasa 1) 2007	5 Disember 2007
ST.167	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Sri Jaya ) 2007	5 Disember 2007
ST.212	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor dan Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjong Pelepas) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	5 Disember 2007
ST.213	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang dan Lembaga Pelabuhan Melaka Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	5 Disember 2007